

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)



PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK (SSI)
E-10-2, Menara SSI, Tingkat 10, SOHO Ipoh 2
Jalan Sultan Idris Shah, 30000 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN PELAWAAN
'REQUEST FOR PROPOSAL' (RFP)

Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) berhasrat mempelawa kepada syarikat-syarikat pemaju yang berkeelayakan serta mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi sumber kewangan, pengalaman dan kepakaran untuk mengemukakan cadangan dalam pelaksanaan pembangunan di atas tanah-tanah tersebut:-

Bil	Tajuk Cadangan Pembangunan	Cadangan Pembangunan	Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen Senaskah	Tarikh dan Waktu Tutup Pelawaan
RFP/SSI/1 / 2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 7 ekar di Wilayah Bemban, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta (KOORDINAT: 4.471042, 101.016614)	Perumahan	29 Disember 2025 (Isnin) hingga	RM200.00 Ringgit Malaysia: (Dua Ratus Sahaja)	30 Januari 2026(Jumaat) sebelum 4.30 Petang
RFP/SSI/2 / 2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 6.350 ekar di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta (KOORDINAT: 4.638728, 101.165473)	Pembangunan Bercampur	9 Januari 2026 (Jumaat) 9.00 Pagi hingga	Senaskah Bagi Setiap No. Rujukan Tawaran Dalam bentuk TUNAI sahaja (Tidak Akan Dikembalikan Sekiranya Tidak Berjaya)	
RFP/SSI/3 / 2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 60.50 ekar di Wilayah Pusing, Mukim Sg. Terap, Daerah Kinta (KOORDINAT: 4.473036, 101.024606)	Perumahan	4.30 Petang (Kecuali Hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum)		
Lawatan Tapak TIDAK DIWAJIBKAN . Walaubagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan tapak secara sendiri untuk mendapatkan gambaran keadaan tapak yang lebih terperinci					

Bil	Tajuk Cadangan Pembangunan	Cadangan Pembangunan	Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen Senaskah	Tarikh dan Waktu Tutup Pelawaan
RFP/SSI/4 / 2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 43.691 ekar di Wilayah Chepor Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta (KOORDINAT: 4.704214, 101.083413)	Perumahan	29 Disember 2025 (Isnin) hingga 9 Januari 2026 (Jumaat) 9.00 Pagi hingga 4.30 Petang (Kecuali Hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum)	RM200.00 Ringgit Malaysia: (Dua Ratus Sahaja) Senaskah Bagi Setiap No. Rujukan Tawaran Dalam bentuk TUNAI sahaja (Tidak Akan Dikembalikan Sekiranya Tidak Berjaya)	30 Januari 2026(Jumaat) sebelum 4.30 Petang
RFP/SSI/5 /2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 2.04 ekar di Bandar Ipoh, Daerah Kinta (KOORDINAT: 4.612649, 101.081300)	Perumahan			
RFP/SSI/6 /2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 7.37 ekar diWilayah Kolam Air, Bandar Selama, Daerah Larut, Matang & Selama (KOORDINAT: 5.216519, 100.696129)	Perumahan			
RFP/SSI/7 /2026	Cadangan Pembangunan di atas Tanah Milik SSI seluas kira-kira 11.872 ekar di Wilayah Batu 26 1/2, Jalan Tronoh Mines, Mukim Kampar, Daerah Kampar (KOORDINAT: 4.287287, 101.139089)	Perumahan			
Lawatan Tapak <u>TIDAK DIWAJIBKAN</u> . Walaubagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan tapak secara sendiri untuk mendapatkan gambaran keadaan tapak yang lebih terperinci					

Syarikat mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dimiliki sepenuhnya oleh Warganegara Malaysia dan tidak disenarai hitam serta masih beroperasi di alamat yang sah.

Cadangan yang dikemukakan perlulah menggabungkan komponen-komponen pembangunan mengikut kepada Dasar Perumahan dan Hartanah Negeri Perak dan syarikat perlu menyatakan nilai balasan / pulangan usahasama kepada Perbadanan ini sama ada dalam bentuk tunai / 'in-kind' atau gabungan kedua-duanya sekali berdasarkan kepada Nilai Pembangunan Kasar (GDV) keseluruhan pembangunan.

Perbadanan ini tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan tidak akan menanggung sebarang kos yang terlibat dalam penyediaan tawaran RFP ini oleh pihak syarikat.

Dokumen RFP boleh disemak dan diperoleh pada tarikh dan masa jualan yang dinyatakan serta hanya wakil-wakil syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen RFP tersebut dengan membawa cop syarikat.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai tawaran ini boleh menghubungi Pejabat Perbadanan ini di talian **05-2531949** pada waktu pejabat 9 Pagi - 4.30 Petang (Isnin hingga Jumaat kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum).

Dokumen dan tawaran cadangan yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditulis No. Rujukan Tawaran dan Tajuk Cadangan Pembangunan di atas sebelah kiri sampul serta dialamatkan dan dimasukkan ke dalam Peti Pelawan RFP yang terletak di **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), E-10-2, Menara SSI, Tingkat 10, SOHO Ipoh 2, Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**



WWW.SSI.PERAK.MY



SSI PERAK



SSI PERAK